

Saya tumpu Parlimen, mana tahu dapat jadi PM semula - Muhyiddin

MERSING: Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak mahu mempertahankan Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir kerana mahu memberi tumpuan kepada kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Muhyiddin berkata, beliau pada masa sama bersedia menjadi penasihat ekonomi kepada negeri Johor sekiranya PN berjaya memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang akan diadakan pada 12 Mac ini.

Katanya, sesiapa pun yang akan menjadi calon Menteri Besar bagi PN tidak menjadi masalah kerana gabungan itu mempunyai agenda besar untuk rakyat Johor yang memerlukan pengundi memilih mereka demi masa depan yang cerah.

“Saya tidak bertanding (DUN) kerana saya nak tumpu di Pusat, mana tahu kalau Tuhan kata *kun-balik* semula jadi Perdana Menteri. Tetapi kena tunggu PRU-15 diadakan.

“Namun saya akan bantu di Johor, siapa bakal Menteri Besar PN, tidak kira siapa dia (tetapi) adalah orang yang layak, saya boleh jadi penasihat ekonomi supaya Johor yang terkesan akibat Covid-19 hingga ratusan ribu rakyat sudah jadi miskin tiada pendapatan, saya berjanji PN akan buat sesuatu.

“Maksud saya kita ada agenda besar untuk rakyat sebab itu slogan kita gunakan untuk PRN



MUHYIDDIN Yassin melancarkan jentera Perikatan Nasional bagi Dewan Undangan Negeri Tenggara dan Endau di Felda Tenggara 3, Mersing, Johor, malam kelmarin. - UTUSAN/MASTURAH SURADI

Demi Bangsa Johor. PN akan berusaha sedaya upaya mungkin bantu supaya Johor jadi negeri paling cemerlang, gemilang sehingga rakyatnya maju, disegani dan dihormati,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Pentas PN DUN Tenggara di Felda Tenggara 3, malam tadi. Turut hadir Presiden Gerakan, Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai dan Pesuruhjaya Pas Jo-

hor, Abdullah Hussin.

Tambah Muhyiddin, UMNO perlu dikalahkan lebih teruk pada PRN Johor berbanding kekalahan semasa PRU-14 kerana masa untuk UMNO dan Barisan Nasional (BN) sudah berlalu walaupun satu masa dahulu parti itu yang ditubuhkan di Istana Besar Johor pernah mencipta sejarah.

“Itu UMNO dahulu sekarang UMNO sudah koyak rabak, UMNO

sekarang sudah tidak berupaya lagi, nampak ok tapi dalaman penuh bermacam-macam barah, rasuah, salah guna kuasa dan bermacam-macam lagi,” katanya.

Kata beliau, idea pembubaran DUN untuk memberi laluan kepada PRN Johor adalah daripada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi sebelum mahu meneruskan agenda menguasai Pusat pada PRU-15.